

**TINDAKAN PTJ UNTUK MENGAKAUNKAN/ MEMBANKKAN TERIMAAN SELARAS
PERATURAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 78 DAN 79 BAGI
TEMPOH SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2020**

ANM.JB(D) 30/01(50)

KEPADA PTJ YANG BERKAITAN

Tuan/ Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan/PTJ hendaklah mengambil tindakan untuk menyemak dan mengenalpasti transaksi yang tersenarai seperti di **Lampiran 1** bagi memastikan terimaan telah diperakaunkan/ dibankkan selaras peraturan di bawah **AP 78 dan 79**.

3. Berdasarkan semakan dan pemantauan Jabatan ini, didapati terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan/PTJ dalam memantau dan memastikan pengurusan terimaan di Jabatan/PTJ tuan/puan adalah teratur selaras di bawah peraturan yang telah ditetapkan. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut :

- i) Penyata Pemungut (PP) telah disediakan namun kutipan belum dibankkan;
- ii) Nombor PP manual (excel) yang digunakan berlainan dengan nombor PP Auto/ *Online/ Offline* yang disediakan;
- iii) Amaun di PP berbeza dengan amaun yang dibankkan; dan
- iv) Transaksi terimaan yang dikreditkan secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) tidak dapat dikenalpasti.

4. Jabatan/ PTJ **HENDAKLAH** mengambil tindakan mengakaunkan/ membankkan transaksi yang berkaitan dengan **SEGERA** selewat-lewatnya pada **15 Oktober 2020 (Khamis)**. Sekiranya tiada maklumbalas yang diterima selepas dari tarikh yang telah ditetapkan, Jabatan ini akan mengambil tindakan melaraskan transaksi tersebut ke akaun hasil kerajaan yang berkaitan.

5. Tindakan yang telah diambil hendaklah dimaklumkan kepada Unit Pengurusan Dana (Terimaan Maybank) di talian 07-224 9244 samb 1052 atau emel [dana_jhr@anm.gov.my/](mailto:dana_jhr@anm.gov.my) rathika@anm.gov.my untuk tindakan Jabatan ini selanjutnya. Jabatan/PTJ juga adalah **DIINGATKAN** bagi pembayaran menggunakan medium secara atas talian, tuan/puan adalah **bertanggungjawab** untuk memaklumkan dengan jelas kepada Agensi Pembayar dengan **mematuhi tatacara yang telah ditetapkan oleh Jabatan** ini seperti di **Lampiran 3**.

6. Perhatian dan tindakan tuan/puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**- Unit Pengurusan Dana (Terimaan) JANM Johor –
07 Oktober 2020**

**TATACARA TERIMAAN BAGI MEDIUM PEMBAYARAN SECARA ATAS TALIAN
(EFT)**

1. Perihal pembayaran hendaklah bermula dengan kod kumpulan PTJ dan PTJ (cth: 27020801) dan diikuti dengan keterangan pembayaran seperti nombor bil. (**contoh: 27020801-0036-Bil Rawatan Hospital**)
2. Agensi Pembayar hendaklah memastikan Notifikasi Pindahan Wang (NPW) dihantar kepada PTJ dan Pejabat Perakaunan (PP) dengan kadar **SEGERA**. PTJ juga dikehendaki untuk menyelenggara rekod penghantaran NPW oleh agensi pembayar.
3. PTJ hendaklah dengan segera memperakaunkan terimaan tersebut dalam tempoh **5 hari** berdasarkan amaun EFT yang telah disahkan oleh PP.
4. PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan Agensi Pembayar mematuhi tatacara ini dan sebarang ketidakpatuhan oleh Agensi Pembayar, hendaklah disusul dengan surat peringatan kepada Agensi Pembayar terlibat.
5. Pembayaran EFT hanya dibenarkan dipindahkan ke Akaun Terimaan Utama PP (Maybank) sahaja.
6. Sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada tatacara ini PP tidak akan teragak-agak untuk menarik semula kebenaran pembayaran secara EFT tersebut
7. Kelewatan PTJ memperakaunkan terimaan EFT tersebut akan menyebabkan amaun tersebut diperakaunkan sebagai hasil PP.

Sebarang pertanyaan boleh rujuk kepada pegawai di Unit Pengurusan Dana (Terimaan Maybank) Pn Rathika a/p K.Balan di talian 07-224 9244 samb 1052/ dana_jhr@anm.gov.my/rathika@anm.gov.my.